

Kertas Bil. 101/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAK KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERKENAAN DASAR PELAKSANAAN
PERUMAHAN MAMPU MILIK DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DI
NEGARA SINGAPURA
KERTAS BILANGAN 51/2015**

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (UPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKENaan DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DI NEGARA SINGAPURA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan Keseluruhan	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKNN
51	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN DASAR PELAKSANAAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DI NEGARA SINGAPURA	<p>Kerajaan Negeri harus mengambil pendekatan yang holistik dalam melaksanakan dasar perumahan mampu milik yang secara langsung mahupun tidak langsung bagi membolehkan usaha membasmikan kemiskinan di negeri Selangor. Ini dapat dicapai dengan memberi penekanan kepada pembinaan kemudahan dan infrastruktur yang baik selain menawarkan perumahan mampu milik kepada rakyat Selangor.</p> <p>Saranan Sokongan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan Negeri hendaklah menggalakkan pemilikan rumah mampu milik dengan penetapan pembayaran bulanan pinjaman pada kadar 24% daripada pembayaran bulanan isi rumah kerana kos sara hidup yang semakin meningkat akibat inflasi dan keadaan ekonomi yang kurang stabil. 	<p>Terdapat pelbagai kategori rumah mampu milik Rumah Selangorku iaitu dari Jenis A berharga RM42,000 sehingga Jenis D berharga RM250,000. Dengan itu pembeli boleh membeli rumah yang sesuai dengan pendapatan mereka. Iaitu dengan pembayaran bulanan pinjaman perumahan yang mampu dibayar. Peratusan pembayaran dari pendapatan yang dibenarkan adalah ditetapkan oleh pihak bank bukan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan dengan pihak bank dalam hal ini.</p> <p>Buat masa ini kerajaan negeri membentarkan pemilik Rumah Kos Rendah melakukan “upgrade” kepada Rumah Kos Selangorku jenis-jenis lain. Walau bagaimanapun tidak ada posisi untuk menggalakkan pemilik Rumah Selangorku melakukan upgrade kepada Rumah Selangorku yang lebih tinggi nilainya. Satu kajian akan dilakukan oleh LPHS.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Bagi penduduk yang layak menerima skim perumahan mampu milik, Kerajaan Negeri hendaklah menawarkan insentif untuk menggalakkan sesebuah isi rumah meningkatkan taraf hidup mereka secara berperingkat melalui pembelian rumah mampu milik jenis lain yang dilengkapi dengan kemudahan yang lebih baik supaya dapat memupuk persaingan yang sihat serta etika kerja yang baik. 	√	√	

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JKP-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKENAN DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DI NEGARA SINGAPURA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
		3. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan sesebuah kawasan perumahan mampu milik mempunyai berbilang kaum supaya dapat memupuk semangat persaudaraan di kalangan masyarakat majmuk.	✓		Kerajaan negeri mempunyai polisi Kuota Bumiputera yang menetapkan peratus pembeli Bumiputera di sesuatu pembangunan. Kuota ini adalah dari 30 hingga 70 peratus memastikan setiap kaum terdapat di pembangunan tersebut. Polisi ini adalah sama seperti Ethnic Integration Policy (EIP) di Singapura yang mengawal komposisi kaum di pembangunan perumahan HDB di mana ditetapkan had maksima bagi sesuatu kaum iaitu kaum Cina 87 peratus, Melayu 25 peratus sementara India dan lain-lain 13 peratus.
		4. Memandangkan terdapat banyak kes golongan warga emas diabaikan oleh generasi muda, Kerajaan Negeri hendaklah menawarkan insentif seperti subsidi ataupun diskaun kepada pembeli rumah mampu milik yang membantu menjaga ibu bapa mereka.	✓		LPHS akan melakukan kajian terhadap cadangan ini.
		5. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan syarat kelayakan rumah mampu milik dengan ketat dan telus supaya dapat memantaatkan pemilik yang layak dan bertanggungjawab.	✓		Pemilihan pembeli Rumah Selangorku adalah berdasar merit atau sistem markah yang mengambil kira faktor-faktor seperti umur pembeli, pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, alamat bermastautin dan lain-lain. Mereka yang mendapat markah tertinggi akan terpilih. Tidak ada campur tangan politik dalam pemilihan.
		6. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji keperluan memasang CCTV dalam setiap kawasan perumahan mampu milik bagi membolehkan JMB dan Pihak Berkuasa Tempatan memantau kebersihan dan keselamatan penduduk di kawasan tersebut.	✓		Di bawah Skim Rondaan Keselamatan Dan Kejiranan (SEROA), pangsapuri yang menyertai skim ini diperuntukan RM5,000 untuk memasang CCTV. Setakat ini 39 kawasan pangsapuri telah menyertai skim ini.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JKP-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKENaan DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK DALAM MEMBASMI KEMISKINAN DI NEGARA SINGAPURA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Uiasan/Tindakan MMKN
		<p>7. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan-peraturan kawalan pembangunan disokong oleh sistem pemantauan yang menyeluruh terutamanya perijuan tapak tanah milik Kerajaan Negeri kepada pihak ketiga bagi tujuan pembangunan untuk mengurangkan projek perumahan terbengkalai.</p> <p>8. Kerajaan Negeri hendaklah mempunyai rancangan jangka panjang pengambilan tanah-tanah terbier di pusat bandar untuk tujuan pembinaan rumah mampu milik kerana kebanyakkan tanah-tanah terbier tersebut mempunyai lokasi yang strategik serta berdekatan dengan rangkaian pengangkutan awam yang lengkap.</p> <p>9. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) hendaklah memainkan peranan dalam menyusun dan menyebarluaskan maklumat di pasaran harta tanah berhubung harga dan aliran sewa, bekalan harta tanah yang sedia ada dan urus niaga jualan terkini untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat.</p>	√	√	<p>Penjualan tanah milik kerajaan negeri dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tanah sebelum dibawa ke Mesyuarat MMKN untuk kelulusan. Selain dari itu, pemaju-pemaju di Selangor mestil mendaftarkan bawah Sistem Pendaftaran Pemaju yang dikendalikan oleh LPHS. LPHS memantau projek-projek mereka setiap 3 bulan agar sebarang kelewatan dapat dikesan.</p> <p>Kerajaan negeri akan mengenalpasti maklumat-maklumat di tapak tetapi sebarang pengambilan tanah perlu dibincangkan dengan terperinci sebelum dilaksanakan. Buat masa ini inventori tanah-tanah kerajaan disimpan oleh Task Force Tanah.</p> <p>Telah ada usaha-usaha oleh LPHS seperti pameraan, iklan dan turun padang walaupun bagaimanapun ia akan ditingkatkan.</p>

Disahkan oleh:
(Y.B. Dato' Iskandar Bin Samad)

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar
 Negeri Selangor
28 Oktober 2015